

SEMINAR PENDIDIKAN BAHASA MELAYU
PRASEKOLAH
18 MAC 2009
KELAB MASYARAKAT TAMPINES WEST

anjukan
MAEC DAN PCF

BACAAN AWAL

MOHAMED NAIM DAUPI

APAKAH MAKSUD
MEMBACA:
BERMULA DENGAN MAKNA
BERAKHIR DENGAN MAKNA

MEMBACA
membawa erti memahami apa-apa yang
terkandung di dalam teks

MEMBACA
satu kemahiran.
Tanpa memahami apa-apa yang dibaca
belum dianggap sudah mencapai
kemahiran

Kemahiran
membaca
dapat membantu perkembangan
kognitif dan afektif seseorang murid.
Menurut Dr Koh Boh Boon,

Kelemahan
membaca
boleh meninggalkan kesan buruk
seperti kurang minat belajar,
rendah yakin diri dan pencapaian rendah

LATAR BELAKANG:

- Kebanyakan murid mengenali huruf-huruf abjad
- Murid hari ini hidup dalam sekitar yang penuh dengan huruf dan lambing
- Sistem ejaan BM alphabetik dan fonemik
- Suku kata BM mudah dan jelas
- Kebanyakan murid mempunyai kosa kata yang sama dan asas

KAEDAH PENGAJARAN PRABACAAN:

- KAEDAH ABJAD
- KAEDAH FONIK
- KAEDAH PANDANG SEBUT



KAEDAH ABJAD

CARA PENYAMPAIAN

- Murid menghafaz bentuk huruf menurut susunannya, iaitu a – a (menerusi nyanyian, kad, kertas pasir, plastisin dsb)
- Setelah itu, dibunyikan huruf vokal dan digabungkan dengan huruf konsonan bagi embbbentuuuk suku kata:
b + a → ba
b + i → bi
b + u → bu
- Penggabungan suku kata bagi membentuk perkataan.
bu + ku → buku
ku + ku → kuku
du + ku → duku
- Pembacaan ayat-ayat mudah yang perkataannya berupa kv + kv
Busu baca buku
Buku Busu biru.
Buku Busu baru.



KAEDAH FONIK

CARA PENYAMPAIAN

- Murid menghafaz bunyi huruf (bukan nama huruf) → murid melihat lambang dan menghafaz bunyinya:
a dibunyikan aa
z dibunyikan zi
- Kemudian, murid diajar suku kata setelah tahu hubungan huruf dengan bunyinya :
ba → tanpa membunyikan be dan aa
- Penggabungan suku kata bagi membentuk perkataan
bu + ta → buta
bu + ka → buka
- Pembacaan ayat-ayat mudah :
Ibu beli buku.
Ibu buka buku.
Ibu baca buku.



KAEDAH PANDANG SEBUT

CARA PENYAMPAIAN

- Murid terus diperkenalkan kepada perkataan. Selalunya perkataan tersebut ditulis pada kad imbasan bergambar



- Kemudian, murid-murid diperkenalkan kepada ayat-ayat mudah setelah beberapa perkataan dikuasainya:
Saya ada buku.
Buku saya baru.
Saya suka baca buku.

BEBERAPA RASIONAL



KAEDAH ABJAD

- Oleh sebab perkataan mengandungi huruf atau lambang, murid hendaklah diajar mengenal nama huruf / lambang sebelum membaca atau mengejanya.
- Mengikut Walker: lambang (huruf) hendaklah diajar seluruhnya. Kanak-kanak yang mengenal huruf mempunyai peluang besar untuk mencapai keupayaan membaca.
- Murid berpeluang menjalin huruf konsonan dan huruf vokal bagi membentuk suku kata dan akhirnya perkataan.
- Kaedah ini bersifat petunjuk dan kanak-kanak diberi peluang berinisiatif.



KAEDAH FONIK

- Oleh sebab bahasa itu daripada bunyi-bunyi, huruf hanyalah simbol belaka.
- Menurut Palmer, huruf secara tersendiri bukanlah bahasa. Huruf hanyalah simbol yang dibunyikan bagi menuturkan dan menuliskan bahasa. Dengan bunyi yang ditetapkan, huruf akan menjadi satu unsur bahasa.
- Oleh itu, proses pengajaran bacaan asas hendaklah ditumpukan kepada bunyi-bunyi yang diwakili huruf-huruf abjad kerana bunyi-bunyi tersebut membawa makna, bukan hurufnya.
- Mohd Hilmi Haji Ismail menyatakan: Sistem ejaan BM ialah fonemik dan oleh sebab suku katanya jelas, maka kaedah suku kata sesuai sekali digunakan untuk mengajar peringkat prabacaan.



KAEDAH PANDANG SEBUT

- Oleh sebab, murid-murid telah menguasai sejumlah kosa kata, maka pengajaran prabacaan hendaklah bermula dengan pengalaman tersebut.
- Pengajaran tidak akan seronok sekiranya tidak menghubungkan dengan pengalaman murid.
- Mengecam huruf dan menghafaz bunyi akan berkesan sekiranya murid-murid telah menguasai sejumlah perkataan
- Menurut Goodman: Pengalaman pembacaan murid akan lebih bermakna jika yang dibacanya merupakan sesuatu yang telah dikenali atau diketahui mereka.

BEBERAPA KELEMAHAN



KAEDAH ABJAD

- Prof Atan Long : Kaedah Abjad akan melambatkan murid membaca → penekanan kepada penghafazan huruf dan boleh menghilangkan minat.
- Kaedah Abjad menegaskan hafazan-hafazan yang kurang bermakna dan boleh membosankan murid



KAEDAH FONIK

- Kaedah ini akan melambatkan penekanan kepada makna – menitikberatkan unsur-unsur fonik / bunyi yang tidak memberi erti.

- Menurut G Whipple: Banyak latih tubi diadakan dan ini boleh menghilangkan minat kerana mengambil masa yang panjang untuk menghafaz / mengenal semua bunyi huruf / suku kata
- Prof Atan Long: Kekeliruan akan timbul berhubung dengan kesukaran menyebut bunyi huruf konsonan dan mengaitkan bunyi dengan lambang.




KAEDAH PANDANG SEBUT

- Kaedah ini akan membantuk murid-murid seperti burung nuri dan mereka akan mendapati sukar menyebut perkataan-perkataan baharu.
- Kad imbasan bergambar boleh mengganggu tumpuan murid membunyikan lambang, suku kata dan perkataan.
- Kaedah ini tidak sesuai dengan sistem bunyi BM → sesuai dengan sistem tulisan ideografik / logografik seperti ejaan Bahasa Cina yang melambangkan sesuatu benda, idea dsb dengan satu perkataan (satu morfem)

Kaedah-kaedah yang dinyatakan belum membuktikan adanya satu pendekatan / kegiatan prabacaan yang benar-benar sesuai dengan sistem ejaan BM di samping mempertimbangkan aspek psikologi dan pembentukan jasmani serta kognitif seseorang kanak-kanak.

Walau apapun kaedahnya, kita perlu maklumi akan kadar perkembangan kanak-kanak tidaklah serupa. Justeru itu 'umur pembelajaran' (learning age) berbeza antara seorang kanak-kanak dengan kanak-kanak yang lain. Perbezaan ini bergantung kepada faktor genetik, pengalaman peribadi dan cara pembelajarannya.

- ☐ Selepas itu, murid membandingkan unsur yang sama dalam perkataan lain.



SECARA SUKU KATA SINTETIK

- ☐ Penggabungan kaedah suku kata dengan Kaedah Pandang Sebut. Bermula daripada bunyi-bunyi suku kata kepada perkataan.




- ☐ Murid dikenalkan dengan bunyi huruf vokal terlebih dahulu

a i u

Kemudian diikuti dengan sejumlah huruf konsonan:

b k t

- ☐ Selepas itu murid-murid menggabungkan suku kata bagi membantuk perkataan



TAMAT